

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN 55 TAHUN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

TEMPAT: ARKIB NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 22 AUG 1989

MASA:

Yang Berhormat Dato' Dr. Yusof Noor,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
Yang Berbahagia Tan Sri Sallehuddin Mohamed,
Ketua Setiausaha Negara;
Yang Berbahagia Tan Sri Alwi Jantan,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam
sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita bersama-sama hadir di majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang merasmikan Majlis ini dan seterusnya melancarkan Perayaan 55 Tahun Perkhidmatan Awam sebagai menyambut ulangtahun yang ke-55 bagi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Semenjak Pejabat Perjawatan Malaya ditubuhkan 55 tahun yang lalu, perkhidmatan awam telah melalui beberapa zaman iaitu zaman penjajahan, zaman perjuangan untuk kemerdekaan, zaman mengisi matlamat kemerdekaan dan kini zaman menghadapi cabaran persaingan antarabangsa dalam mengejar pembangunan untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

3. Tiap-tiap zaman yang dilalui mempunyai masalah dan cabarannya yang tersendiri. Dalam menghadapi zaman-zaman perubahan ini, kecekapan dan keberkesanan sistem dan jentera perkhidmatan awam sentiasa teruji. Di mana perlu, perubahan dan penyesuaian telah dilakukan kepada sistem dan jentera perkhidmatan awam supaya selaras dengan kehendak semasa.

4. Pada zaman penjajahan, perkhidmatan awam telah berfungsi untuk memenuhi keperluan dan hasrat Kerajaan penjajah. Undang-undang dan peraturan digubal untuk memudahkan kerja-kerja mengeksploitasi sumber-sumber asli di dalam negara untuk kepentingan mereka. Tetapi setelah merdeka, sebagaimana sepatutnya, kita telah menyusun kembali sistem dan jentera pentadbiran untuk membangunkan negara. Kesejahteraan rakyat yang telah diabaikan di bawah Kerajaan penjajah diberikan tumpuan utama. Di dalam sistem demokrasi

berparlimen kita, anggota-anggota pentadbiran yang mewakili rakyat bekerjasama rapat dengan perkhidmatan awam untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan untuk rakyat. Di sini kita harus ingat bahawa rakyat bermakna semua rakyat, sama ada kaya atau miskin, di luar bandar atau dalam bandar. Walaupun Kerajaan perlu menentukan kekayaan negara diagih secara adil, tetapi sebelum agihan boleh dibuat Kerajaan mestilah menentukan kedudukan hasil dan kewangannya meningkat untuk diagihkan, sama ada dalam bentuk kemudahan infrastruktur atau apa juga jenis bantuan. Justeru itu perkhidmatan Kerajaan untuk menjayakan perniagaan dan perusahaan kecil dan besar amatlah penting. Lebih besar keuntungan halal perniagaan dan perusahaan, lebih kukuhlah kewangan Kerajaan dan lebih mampulah Kerajaan membiayai segala perbelanjaan yang diperlukan, baik untuk perbelanjaan bagi pengurusan dan pembangunan, atau pembayaran pinjaman.

5. Perkhidmatan Kerajaan di zaman ini tidak lagi tertumpu hanya kepada keamanan dan kebebasan daripada sebarang penindasan. Kerajaan bertanggungjawab terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negara. Kekayaan rakyat adalah kekayaan Kerajaan dan kekayaan Kerajaan adalah kekayaan rakyat. Demikian juga jika rakyat miskin, maka kewangan Kerajaan akan menjadi lemah dan kelemahan kewangan Kerajaan akan menyebabkan kemiskinan di kalangan rakyat. Keadaan ini amat jelas dalam demokrasi walaupun mungkin tidak dalam sistem feodal.

6. Semua rakyat yang ingin berusaha untuk menghasilkan kekayaan tidak harus diganggu tetapi sebaliknya dibantu oleh pentadbiran. Hanya apabila rakyat daripada semua lapisan berjaya meningkatkan pendapatan mereka, barulah Kerajaan mendapat hasil untuk diagih-agihkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kita sedang berada di ambang kurun ke-21 -- satu era yang tidak ada persamaannya daripada segi kemajuan teknologi dan peluang-peluang pembangunan. Masa ini elok digunakan untuk mengamati diri sendiri dan memeriksa faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi arah hala organisasi dan cara-cara bekerja. Kesempatan ini elok digunakan untuk menoleh ke belakang -- melihat di mana wujud kelemahan-kelemahan yang boleh diperbaiki, dan paling penting sekali meninjau ke hadapan untuk membuat persediaan bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa dan yang akan datang.

8. Memahami sifat-sifat utama zaman baru ini merupakan pra-syarat untuk merangka response yang sesuai. Kita harus meneliti sifat-sifat ini supaya tindakan yang sewajarnya dapat cepat dirancang dan dilaksanakan.

9. Sifat utama zaman baru ini ialah wujudnya persaingan hebat dalam bidang ekonomi antarabangsa. Persaingan ini bukanlah sahaja berlaku di antara negara-negara yang mempunyai sistem ekonomi yang berlainan. Persaingan yang

lebih hebat berlaku di antara negara-negara yang mempunyai sistem ekonomi yang sama, yang bersahabat dan berjiran. Persaingan ini adalah hakikat yang perlu kita terima. Supaya kita tidak ketinggalan, kita perlu menentukan bahawa kekuatan ekonomi negara kita mampu untuk bersaing dengan jayanya. Tidak ada satu faktor yang lebih penting daripada faktor kecekapan pengurusan untuk menentukan kemampuan kita untuk bersaing. Dan pengurusan bukan sahaja melibatkan organisasi swasta, tetapi lebih penting lagi ialah pengurusan dalam Kerajaan. Sebenarnya pentadbiran tidak berbeza daripada pengurusan perniagaan dalam zaman persaingan ekonomi antarabangsa yang hebat ini. Kecekapan pengurusan oleh para pentadbir Kerajaan akan menolong menjayakan pertumbuhan ekonomi negara yang mempunyai kaitan yang rapat dengan pendapatan rakyat dalam semua bidang pekerjaan.

10. Beberapa tahun yang lepas ini Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penswastaan, iaitu memindahkan syarikat-syarikat dan beberapa perkhidmatan Kerajaan kepada pihak swasta. Walaupun kita membentuk dasar ini agak awal tetapi penswastaan adalah satu aliran yang semakin diterima di seluruh dunia. Pihak Komunis juga sekarang mengakui bahawa pemilikan semua perkhidmatan dan kegiatan ekonomi oleh negara tidak berjaya membangunkan ekonomi atau mengagihkan kekayaan kepada rakyat secara adil. Justeru itu pihak Komunis memperkenalkan 'perestroika' iaitu penyusunan semula sistem ekonomi dan politik mereka.

11. Penswastaan bertujuan mengatasi perbelanjaan Kerajaan dan negara semasa membekalkan perkhidmatan kepada rakyat. Sebenarnya kita dapati perkhidmatan yang sama boleh diberikan oleh swasta tanpa membebankan rakyat atau Kerajaan atau merugikan kakitangan perkhidmatan berkenaan. Sementara perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan dengan penswastaan, pendapatan Kerajaan akan bertambah dengan cukai yang dikenakan ke atas keuntungan pihak swasta yang mengambil-alih perkhidmatan berkenaan.

12. Semua yang dijangka ini sudahpun berlaku dengan beberapa perkhidmatan Kerajaan yang telah diswastakan seperti perkhidmatan kontena di Pelabuhan Kelang, MAS, MISC dan STM. Para pekerja dalam badan-badan ini tidak mengalami apa-apa kerugian, bahkan ada antara mereka yang memperolehi pendapatan yang lebih. Dalam masa yang sama perkhidmatan yang diberikan tidak terjejas, bahkan bertambah baik. Cukai yang dipungut daripada perniagaan berkenaan menunjukkan kemungkinan ia meningkat.

13. Dengan dikurangkan tanggungan Kerajaan terhadap kos pengurusan pentadbiran dan dengan bertambahnya hasil Kerajaan, kemampuan Kerajaan untuk memperbaiki tangga gaji kakitangannya dan lain-lain perbelanjaan sudah tentu akan meningkat. Ini bermakna bukan sahaja pekerja dalam perkhidmatan yang diswastakan yang akan merasai nikmat, tetapi mereka yang masih berkhidmat dalam Kerajaan juga akan mendapat nikmat.

14. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya semua pekerja dalam Kerajaan dan di luar Kerajaan mendapat pendapatan yang lebih. Pendapatan yang bertambah bersama-sama dengan produktiviti yang meningkat tidak akan menyebabkan kos perkhidmatan atau harga barang-barang meningkat. Yang menjadikan kita tidak kompetitif ialah apabila gaji dinaikkan tetapi daya pengeluaran tidak ikut bersama.

15. Dengan kenaikan pendapatan para pekerja Kerajaan dan bukan Kerajaan, maka kuasa beli atau purchasing power rakyat akan memajukan aktiviti jual-beli yang akan menolong meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan lebih pesat lagi. Jika tuntutan dibuat untuk kenaikan gaji tetapi dalam masa yang sama produktiviti tidak ditingkatkan, maka kita akan menjadi tidak kompetitif dan pemasaran barang-barang kita akan merosot. Akhirnya pekerja akan menderita kerana dengan kemerosotan ekonomi, pendapatan semua pihak tidak akan meningkat lagi dan ramai yang akan menganggur.

16. Saya berharap para anggota pentadbiran memahami bahawa dasar penswastaan Kerajaan adalah untuk kebaikan kita semua. Justeru itu kita semua hendaklah berusaha menjayakan penswastaan secepat mungkin. Anggota pentadbiran perlu memainkan peranan yang positif dalam melaksanakan dasar ini. Insya-Allah tidak sesiapa pun yang akan rugi. Sebaliknya kita semua, kakitangan Kerajaan, kakitangan badan-badan yang diswastakan, rakyat keseluruhannya dan negara akan mendapat nikmat daripada dasar penswastaan ini.

17. Selain daripada penswastaan yang telah saya huraikan, satu dasar yang juga agak kabur di kalangan sesetengah anggota pentadbiran ialah Persyarikatan Malaysia. Kefahaman dan penghayatan konsep Persyarikatan Malaysia masih terbatas di kalangan pegawai-pegawai atasan sahaja. Maklum balas yang diterima daripada sektor swasta menunjukkan pemahaman pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat pertengahan masih kabur. Dengan itu dasar Persyarikatan Malaysia ini tidak mempunyai kesan yang sepenuhnya oleh kerana pihak swasta masih mengalami kerumitan-kerumitan semasa berurusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan. Yang menjadi teras di dalam Persyarikatan Malaysia ialah konsep kerjasama yang rapat di antara sektor awam dengan swasta, di mana sektor swasta memajukan perdagangan dan perusahaan dalam negara dan sektor awam menggariskan dasar-dasar utama dan menyediakan perkhidmatan sokongan yang positif.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Saya percaya perkhidmatan awam telahpun membuat persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran baru ini melalui perancangan yang teliti dan strategik daripada segi usaha-usaha mengubah sikap, melengkapkan pekerja-pekerja dengan kemahiran-kemahiran serta mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi. Di samping itu, kelemahan-kelemahan yang ada hendaklah diperbetulkan dengan segera.

19. Dalam menghadapi cabaran baru ini, masih ada ruang untuk memperbaiki sikap di dalam perkhidmatan awam. Bersih, cekap dan amanah akan terus merupakan nilai-nilai teras di dalam perkhidmatan awam dan hendaklah dihayati oleh semua anggota perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Dalam menghadapi cabaran-cabaran di zaman persaingan ini, ketua-ketua di dalam perkhidmatan awam harus mempunyai pandangan jauh atau 'vision' dan dapat merancang strategi-strategi yang berkesan. Faktor dan tekanan dari dalam dan luar negeri harus difahami dan hubungan-hubungan di antaranya harus dianalisa dan dikenal-pasti. Di dalam pengurusan dan perancangan secara strategik, kita harus mengenal-pasti faktor-faktor yang di luar kawalan kita dan faktor-faktor yang dapat kita uruskan.

21. Sehubungan dengan ini, pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam harus berorientasikan tindakan atau action-oriented. Zaman kita menanti peluang-peluang menjelma telah berlalu. Zaman ini bukan sahaja memerlukan kita mencari peluang-peluang baharu, malahan kita perlu membentuk peluang-peluang, dan untuk ini, cara-cara berfikir yang 'lateral' dan strategik adalah diperlukan.

22. Di dalam pejabat-pejabat pula, usaha-usaha permodenan hendaklah diteruskan. Sistem dan aturcara bekerja yang lama harus dikaji semula dan diperkemaskan. Perkhidmatan kaunter terutamanya hendaklah diberi perhatian khas sebab di situlah sebahagian besar hubungan antara orang ramai dan perkhidmatan awam berlaku. Ketua-ketua jabatan hendaklah memberikan perhatian yang lebih kepada perkhidmatan kaunter ini. Di samping itu, keadaan fizikal dan kebersihan pejabat hendaklah sentiasa dijaga untuk mencerminkan satu imej yang baik. Sebenarnya kakitangan Kerajaan sendiri akan merasai kerja mereka lebih selesa jika keadaan di tempat kerja bersih dan teratur. Sudah tentu para pelanggan akan merasai kesan yang positif daripada persekitaran yang bersih dan teratur apabila mereka datang ke pejabat-pejabat Kerajaan untuk urusan-urusan tertentu.

23. Ukuran kejayaan dan prestasi perkhidmatan awam tidak lagi boleh diasaskan kriteria kuantitatif seperti kemampuan pelaksanaan pembangunan daripada segi jumlah penjawat, jumlah peruntukan, serta bilangan program dan projek pembangunan. Lebih penting lagi ialah kejayaan melaksanakan projek dan urusan bagi tiap-tiap tahun. Peruntukan yang tidak dibelanjakan seperti yang dirancang adalah salah satu ukuran prestasi perkhidmatan awam. Bagi rakyat pula, yang penting bagi mereka bukanlah niat dan perancangan, tetapi yang penting ialah apakah yang dilaksanakan untuk mengisi harapan mereka dan harapan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan

penghargaan yang tinggi dan ucapan berbanyak terima kasih atas segala sumbangan dan dedikasi keseluruhan perkhidmatan awam di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah di mana sahaja mereka berkhidmat, dalam membangun dan mempertahankan negara.

25. Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam di atas usahanya menganjurkan sambutan Perayaan Perkhidmatan Awam 55 tahun ini. Saya percaya perkhidmatan awam akan bergerak dengan azam dan semangat yang lebih, demi kesejahteraan rakyat dan negara.

26. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran sambutan Perayaan 55 Tahun Perkhidmatan Awam. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.